

Najib Ziarah Jenazah Bekas Ketua Pengarah Kesihatan Dr Abdul Majid Ismail

Bernama

25 Mac, 2013

KUALA LUMPUR, 25 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak malam ini menziarahi jenazah bekas Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Abdul Majid Ismail, 92, yang meninggal dunia di kediamannya di Taman Duta, Jalan Langgak Duta.

Najib meluangkan masa kira-kira 10 minit menziarahi jenazah arwah dan bertemu waris Dr Abdul Majid bagi mengucapkan takziah di atas pemergian beliau.

Dr Abdul Majid meninggal dunia akibat sakit tua kira-kira 4 petang.

Jenazah Allahyarham akan dikebumi di Makam Diraja Shah Alam pada 11 pagi isnin selepas disembahyangkan di Masjid Negeri Shah Alam.

Dr Abdul Majid dimakamkan di sana bagi mengenang jasa beliau yang pernah berkhidmat sebagai doktor peribadi Sultan Selangor sekitar hujung tahun 70-an.

Allahyarham meninggalkan seorang isteri, Puan Sri Khairany Mahyuddin dan tiga anak, seorang lelaki dan dua perempuan.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=937008>